



METERAI ... Ramzah (kiri) dan Adi Satria (kanan) bertukar dokumen selepas perjanjian persefahaman kelmarin sambil diperhatikan oleh Pembantu Pengarah RTM Sabah, Ali Ngasio.

Sekolah Sains UMS menjadi penyelidik pendengar radio di Sabah

KOTA KINABALU: Sekolah Sains, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah ditawarkan oleh Utusan Airtime Sdn Bhd untuk menjadi penyelidik media bagi mengkaji cara hidup pendengar radio di negeri ini.

Penyelidikan itu akan dilakukan oleh 25 pelajar daripada Sekolah Sains UMS di mana mereka akan mengkaji bagaimana cara hidup kira-kira 600 pendengar di sekitar Kota Kinabalu termasuklah Tanjung Aru, Likas,

Putatan, Tuaran, Penampang, dan Papar.

Kelmarin, wakil Sekolah Sains UMS, Adi Satria dan Dr. Ramzah Dambul telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) sebagai simbolik di mana UMS menerima tawaran daripada Utusan Airtime Sdn Bhd.

“Ini merupakan satu peluang kepada para pelajar untuk membuat penyelidikan dunia media secara lebih mendalam,” kata Ramzah.